

## ***STRATEGI SALAM UNTUK JAGAT***

KAJILAH Al-Quran dan susurilah sejarah awal Islam; kita akan dapati wujud semacam percanggahan antara apa yang berlaku pada **kalangan** umat Islam hari ini dengan prinsip dan amalan anjuran agamanya.

Perkembangan terbaru pada segelintir gerakan Muslim mencerminkan kesanggupan untuk melakukan pengganasan demi untuk menuntut bela. Kesannya amat buruk bak nila setitik rosak susu sebelanga. Tindakan mereka, khususnya serangan pengganas 11 September 2001 ke atas Amerika Syarikat dan siri kejadian ledakan bom seperti di Bali (12 Oktober 2002), mencemarkan imej ummah yang cintakan kedamaian dan toleransi beragama.

Al-Quran sering menyeru kedamaian, semangat toleransi dan berbaik sangka. baik. Umat Islam ditegah menyerang, kecuali jika diserang. Amalan hidup Al-Quran ialah ihsan dan semangat tolong-menolong sesama manusia.

Ayat Al-Quran lazimnya bermula dengan rangkai kata, '*Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Mengasihani*'. Malah Al-Quran menyatakan bahawa para nabi dan rasul diutuskan ke dunia semata-mata demi untuk membawa mesej kebenaran Allah kepada seluruh kemanusiaan (Surah al-Anbiya:107). Hadirnya rasul penamat kenabian, Muhammad saw, adalah rahmat bagi seluruh alam.

Sehubungan ini, pengertian '*jihad*' termasuklah dalam pengertian untuk mendapatkan rahmat Allah swt. Al-Quran menyatakan bahawa *jihad* adalah ikhtiar atau usaha gigih atau bersungguh-sungguh, sepenuh jiwa raga dan pemikiran rasional ke arah kebaikan dan menjadi golongan solihin. Dalam pengertian ini, ia dikaitkan dengan kesabaran dan ikhtiar.

## **PERANG DAN GANJARAN**

Sejak zaman silam lagi, perperangan demi perperangan terjadi dalam rangka menumbuh dan menegakkan dinasti atau kerajaan.

Perang Salib yang berlangsung selama ratusan tahun antara kaum Kristian dan Muslim ialah untuk merebut kawasan tanah suci Baitulmakdis. Ia telah memberikan kesan mendalam ke atas cara Barat menganggap Islam. Bagaimanapun Arnold Toynbee, sejarawan terbilang Barat, berpendapat Muslim tidak pernah memaksakan penganutan agama Islam, bahkan memberi perlindungan kepada penganut agama lain selagi mereka mematuhi susila:

*"Perubahan anutan rakyat di negara Islam berlaku secara beransur-ansur, sekurang-kurangnya enam kurun. Tetapi itu pun bukan keseluruhananya. Minoriti Yahudi, Kristian dan Majusi dapat menakat di Dunia Islam kerana antara lain sikap toleransi yang Muhammad galakkan kepada umat Islam sebagaimana al-Quran menjelaskan cara melayani 'Ahlul Kitab' yang menerima pemerintah Islam. Tambahan pula sejauh kejayaan Islam, ia telah menerima pelbagai unsur agama daripada para pemeluknya. Jelasnya pemelukan agama ialah dengan adanya tolak ansur."<sup>1</sup>*

## BUKAN PERANG SUCI

Sering kita dengar kekata '*jihad*' yang diertikan sebagai perang suci (holy war). Ini merupakan tempelan negatif sejak zaman Perang Salib, lebih sealaf lalu.

Tempelan tadi mungkin timbul kerana setiap perjuangan harus berdasarkan tujuan dan matlamat yang suci. Namun, definasi 'perang' bermaksud penentangan zahir sehingga pertumpahan darah. Pada hal, perang sedemikian ditegah Islam kecuali dalam keadaan terpaksa atau demi membela diri.

Perang Suci menurut bahasa Arab ialah *Harbun Muqaddasah*. Tidak wujud di dalam Al-Quran atau himpunan hadis yang mengertikan *jihad* sebagai Perang Suci melainkan perjuangan atau berusaha keras demi membawa kebaikan untuk sesama diri sendiri, keluarga dan kemanusiaan.

Teras *jihad* yang utama ialah membersihkan jiwa dari sifat-sifat cela (*mazmudah*) seperti syirik (menyekutukan Allah), takbur serupa Iblis dan bakhil lagi tamak seperti Qarun dalam zaman Nabi Musa. Matlamat *jihad* ialah menyerikan pekerti dengan sifat terpuji (*mahmudah*) dengan adab tinggi seperti dermawan, santun dan gigih berusaha.

Orang yang ber*jihad* dalam pengertian ini akan disinari dengan kejernihan dan pancaran Tauhid. Ia bersikap ikhlas beribadah dan menunjukkan pekerti indah. Inilah nilai hidup yang hakiki di sisi Allah untuk mendapat keampunan, keredhaan dan rahmat-Nya yang tiada ternilai.

## PRINSIP DAMAI RASULULLAH SAW

Dalam Sirah Nabawi, tercatat usaha Rasulullah saw dalam menyebarkan damai dengan mempersaudara kabilah yang bermusuhan, melindungi golongan beragama (Yahudi dan Kristian) sehingga mengutus surat

---

<sup>1</sup> Terjemahan dari 'Islam's Place in History, in a Study of History', oleh Arnold J. Toynbee, Oxford University Press, 1961.

persahabatan kepada kerajaan-kerajaan berjiran (rujuk Dr Fazlur Rahman, *Ensiklopedia Sirah*).

Daripada 26 peperangan diektradisi (dihantar pulang) dalam zamannya, Nabi Muhammad saw hanya terlibat secara fizikal atau zahir dalam tiga medan yang mencatatkan pertumpahan darah iaitu Badr, Uhud dan Khandak. Namun jumlah masa pelibatannya tidak lebih satu setengah hari! Mengapakah demikian?

Antara jawapannya ialah Nabi Muhammad sering menjadikan perang sebagai langkah terakhir, tetapi mengutamakan damai menerusi perjanjian atau kerjasama.

- **Bela Diri**

Sayugia diingat, Nabi saw tidak pernah melancarkan perang. Apa yang berlaku ialah umat Islam terpaksa menghadapi perang demi membela diri. Juga perlu diingat zaman Rasulullah saw ialah tempoh pergolakan yang amat bergelora. Sedapat-dapatnya Nabi menolak apa jua perang dengan mencari jalan yang lebih selamat dan ringan.

Sewaktu menghadapi tentera Ahzab atau Bersekutu (Quraisy yang bersekutu dengan setengah pihak yang di Madinah dan sekitaran Hijaz), Nabi saw telah berikhtiar (memperolehi cara terbaik untuk mengatasinya). Baginda menyambut baik saranan Salman al-Farisi yang mengesyorkan agar dibina parit-parit Khandak) sekeliling Madinah. Dengan cara ini, tanpa banyak mengorbankan jiwa dan mencederakan tubuh, tentera Mulsim telah dapat berkubu di Madinah.

- **Perjanjian Damai**

Rasulullah saw telah mengusulkan perjanjian damai dengan musyrikin Makkah. Di Hudaibiyyah, di teduhan pohon Rasulullah saw telah menerima ikrar setia (*Bai'ah*) daripada para sahabat untuk terus membela Islam dengan cara bijaksana lagi diberkati Allah swt. Rasulullah saw telah bersetuju memeterai perjanjian dengan musyrikin Makkah.

Kalangan sahabat tidak bersetuju dengan perjanjian tadi yang dianggap berat sebelah. Tetapi Rasulullah saw telah menerima seluruh syarat perjanjian itu. Misalnya penduduk Makkah yang cuba bersuaka di Madinah akan di ektradisi (dihantar pulang)

Ada di kalangan para sahabat merasa kurang senang, namun Rasullah s.a.w. meneruskan perjanjian itu yang membolehkan ribuan umat Islam memasuki Makkah untuk menunaikan umrah atau haji. Ini telah menggerunkan musyrikin Makkah yang menyedari pengaruh mereka kian terkikis.

- **Utamakan Damai**

Jelaslah dalam setiap masa, Rasulullah saw mengutamakan jalan damai atau aman. Hal ini menepati sunatullah bahawa Rasulullah saw diutuskan ke bumi sebagai rahmat sekalian alam.

Rasulullah saw senantiasa mencari huraian agar damai segera terjalin antara umat Islam dan musuhnya. Baginda mengahwini puteri para ketua musuh demi memenangi hati mereka. Kalangan tawanan yang pandai membaca diringankan hukuman dengan mengarahkan mereka mengajar kepada umat Islam. Umat Islam di Madinah merupakan yang pertama di dunia melaksanakan piagam atau perlombagaan negara.

Dalam Piagam Madinah, Rasulullah saw mengiktiraf kehadiran kaum bukan Islam, termasuk Yahudi dan Nasrani (Kristian) untuk hidup dan dilindungi tetapi mereka hendaklah membayar jizyah (semacam cukai perlindungan ke atas kaum lelaki dewasa saja sebagai lambang kepatuhan kepada penguasa). Tetapi yang bukan Islam tidak dikenakan membayar zakat sebagaimana diwajibkan ke atas umat Islam.

Dalam buku ‘Sejarah Islam’ dinukilkkan bahawa Ibnu Hisyam mengatakan:

“Bahawa orang-orang Yahudi mestilah sama-sama menanggung pembiayaan (negara) dengan orang Islam, dan mereka hendaklah sama-sama tolong-menolong menentang siapa jua yang memerangi orang-orang yang menganggotai perjanjian ini, dan hendaklah mereka saling nasihat-menasihati dan sama-sama membuat kebajikan dan mencegah kemungkar. Seseorang tidak boleh dianggap bersalah kerana kesalahan yang dilakukan oleh sekutunya, dan pertolongan hendaklah diberikan kepada orang yang dianiayai.<sup>2</sup>

---

<sup>2</sup> Buku ‘Sejarah Islam’ ditulis oleh Mahayudin Hj Yahaya dan Ahmed Jelani Halimi, mukasurat 88.

Rasulullah saw telah terlebih dulu menunjukkan cara-cara diplomatik -- pengiriman surat persahabatan dan utusan (duta) untuk berdialog dan menjalin persahabatan. Umat Islam ketika itu memerangi kerajaan yang angkuh serta memusuhi mereka, sebagaimana terjadi ke atas kerajaan Parsi.

Dalam zaman perkembangan Islam, peperangan berlaku di medan yang khusus. Sebelum berlaku peperangan, para khalifah rasyidin telah terlebih dulu memberikan amaran kepada kerajaan Rum atau Parsi agar tidak menghalang dakwah Islam.

Sayidina Umar al-Khattab telah merincikan warisan Nabi saw mengenai **prinsip adab perang** seperti berikut:

- 1 Defensif atau bela diri**
- 2 Perlindungan ke atas wanita, kanak-kanak, orang tua atau awam**
- 3 Menjamin tiada kerosakan ke atas harta benda awam.**
- 4 Perlindungan ke atas musuh yang menyerah dan tawanan perang dari segi rawatan dan bantuan kemanusiaan.**
- 5 Memulihkan keadaan seperti sediakala setelah perang berakhir.**
- 6 Menegakkan keadilan berdasarkan lunas-lunas Islam.**

Al-Quran dengan jelas menggesa manusia agar menuju kedamaian sebagaimana firman Allah swt :

*Dan Allah menyeru manusia ke rumah yang aman (syurga) dan memberi petunjuk sesiapa sahaja yang dikehendakinya ke jalan yang lurus.<sup>3</sup>*

Juga menggesa pengiktirafan ke atas hak kemanusiaan kerana insan dijadikan lelaki dan perempuan serta berbangsa-bangsa seperti yang tercatat dalam Al-Quran :

*Wahai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan dan menjadikan*

---

<sup>3</sup> Surah Yunus:25

*kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal<sup>4</sup>*

## **PERSEDIAAN JIHAD**

Untuk berjihad, perlu ada persediaan jiwa, ilmu dan kebendaan. Hal ini tercakup dalam maksud firman Allah swt:

*"Adakan persiapan untuk menghadapi mereka kekuatan apa sahaja yang kamu sanggupi dari kuda-kuda yang ditambat untuk berperang (yang dengan persiapan itu) kamu menggentarkan musuh Allah, musuhmu dan orang-orang selain mereka yang kamu tidak mengetahuinya, sedang Allah mengetahuinya. Apa sahaja yang kamu nafkahkan pada jalan Allah, nescaya akan dibalas dengan cukup kepadamu dan kamu tidak akan dianiayakan."<sup>5</sup>*

*"Dan taatlah kamu kepada Allah dan rasul-Nya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan*

---

<sup>4</sup> Surah Al-Hujuraat:13

<sup>5</sup> Surah Al-Anfaal : 60

*sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar.*<sup>6</sup>

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa jika umat Islam berpecah-belah dan tidak bersatu, maka perjuangan dan Jihad mereka tidak akan membawa hasil, bahkan akan menimbulkan kesan sampingan yang tidak baik.

*Jihad* memerlukan azam, ketegasan, keberanian dan kesungguhan menolak segala nilai negatif yang berupa perbuatan sia-sia, mendatangkan mudarat kepada kemanusiaan dan sekitaran. *Jihad* harus dilakukan setiap saat, secara sedar 24 jam sehari, sepanjang tahun dan seumur hidup. Ini kerana *Jihad* meliputi disiplin perjuangan untuk mematuhi segala suruhan Allah swt dan menjauhi perkara-perkara yang dilarang-Nya iaitu *amar ma'ruf nahi munkar*.

Sebagai suatu amalan lazim dan membina, *jihad* bak serampang tiga mata atau mempunyai tiga jurus sebagaimana terpapar dalam maksud hadis ini:

•  
*"Sesiapa saja di antara kamu yang melihat kemungkaran hendaklah ia bertindak mengubahnya dengan tangannya (dengan kuasa yang ada), sekiranya ia tidak berdaya, maka hendaklah ia mengubahnya dengan lisannya (kata-kata) dan jika masih tidak berdaya, hendaklah ia mengubahnya dengan hatinya, dan itu merupakan iman yang paling lemah."*<sup>7</sup>

- Jurus pertama *jihad* ialah bertindak iaitu melakukan sesuatu pembaikan terhadap perkara yang tidak elok atau munkar. Ini boleh merupakan usaha ekonomi seperti membanteras kemiskinan sehinggalah mewujudkan pasukan keselamatan untuk membanteras jenayah.
- Jurus keduanya ialah berdakwah iaitu menasihat, membimbing, memujuk, meyakinkan dan berdialog sama ada menerusi tulisan atau lisan – cetak atau elektronik.

---

<sup>6</sup> Surah Al-Anfal:46

<sup>7</sup> Riwayat Bukhari dan Muslim

- Jurus ketiga ialah setelah tindakan dan dakwah diusahakan, maka teguhkan jiwa bagi membentengi hal-hal yang tidak elok seraya berdoa (bersolat, zikir dan bermunajat) agar Allah swt merubah keadaan.

Hal-hal mungkar meliputi segala bentuk ketidakadilan seperti pemerintah kuku besi dan tidak cekap, penindasan, pembohongan, rasuah, kemiskinan, buta huruf, penularan wabak sehingga pelacuran.

Pengakuan Tariq Ramadan, pemikir Islam ternama dari Switzerland dan pengarang buku terkenal, *To Be A European Muslim*, bahawa *jihad* sudah disalah ertikan oleh umat Islam sendiri. Dalam perjalannya dari negara majoriti Islam sehingga ke kawasan minoriti umat Islam di Eropah, beliau mendapati bahawa hak asasi dan keadilan lebih ketara di negara majoriti bukan Islam, berbanding dengan negara Islam sendiri.<sup>8</sup>

## **JIHAD EKONOMI**

Antara kekurangan besar umat Islam ialah dari segi kuasa ekonomi. Meskipun di kebanyakan negara majoriti Islam, Allah swt telah mengurniakan minyak dan gas, namunkekayaan hasil mahsul ini tidak dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya.

Dalam zaman Nabi *saw*, para sahabat seperti Abu Bakar, Usman bin Affan dan Abdul Rahman 'Auf telah mengorbankan harta mereka demi menebus hamba, membela para sahabat yang miskin dan membiayai pembangunan Madinah.

Pengajaran daripada kisah para sahabat itu menunjukkan umat Islam disuruh gigih membina kemakmuran, tetapi kekayaan itu hendaklah digunakan untuk membina maslahat ummah. Kewajipan golongan kaya ialah *berjihad* dengan harta mereka demi memastikan tidak berlaku kemiskinan dan kemelaratan.

Sifat bakhil dan tamak amat ditegah Islam. Sebaliknya, membelanjakan harta untuk *berjihad fi sabillillah* merupakan seruan Al-Quran yang menyebut berulang kali *jihad* harta (*al-amwal*).

---

<sup>8</sup> Dr Tariq Ramadan adalah warga Switzerland. Beliau juga cucu Syeikh Hassan Al-Banna, pengasas *Ikhwanul Muslimin*. Dr Tariq telah memberikan siri ceramah anjuran Majlis Ugama Islam Singapura, dari 1-4 Ogos 2003.

Hari ini, jurang kaya miskin dalam Dunia Islam amat ketara. Sedang si kaya atau yang berkuasa menunjuk-nunjuk kemewahan mereka, tentulah timbul rasa iri hati dan benci di kalangan majoriti yang miskin.

Antara pesan Nabi saw ialah kemiskinan membawa kekufuran. Peringatan ini sudah sering dibuktikan. Di negara-negara miskin majoriti Islam seperti Bangladesh dan Indonesia, berlaku perdagangan manusia (pelacuran) yang berleluasa.

Kekurangan dana menyekat umat Islam untuk membantu saudara seagama. Akibatnya, badan-badan bantuan bukan Islam lebih aktif dalam misi kemanusiaan di negara majoriti Islam.

Tanpa kemakmuran, umat Islam tidak dapat bertindak sebagai pelabur, mempengaruhi perjalanan ekonomi dunia atau sebagai dermawan yang disegani.

## **JIHAD ILMU**

Wahyu pertama berbunyi 'Bacalah' yang menegaskan bahawa manusia menimba ilmu dengan lidah (bahasa) dan kalam ( pena atau penulisan). Bahasa dan penulisan membentuk media massa -- wahana atau alat komunikasi (perhubungan) yang amat berkesan, apatah lagi sejak adanya kemajuan pesat teknologi maklumat.

Aspek lisan dan tulisan merupakan *jihad* yang ampuh. Ia sudah dikenal pasti lama sebelum kelahiran Rasulullah saw. Kaaba pernah menjadi balai pameran pertandingan syair Arab. Mutu sastera Arab ketika itu sudah mencapai darjah tinggi. Penyair menjadi sanjungan mulia sehingga menjadi pendorong dalam menyemarakkan keberanian sewaktu perang.

Dalam surah Assyuraa, Allah swt telah mengingatkan kepada para penyair (termasuk golongan sasterawan) bahawa tujuan persuratan ialah demi mengutamakan kebenaran dan bukan membawa kesesatan, apatah lagi menyekutukanNya. Malah Al-Quran, menurut Muhammad Iqbal penyair besar Pakistan, merupakan puisi teragung yang tiada tolok bandingannya. Malah bahasa yang paling terpelihara hari ini dikatakan sebagai bahasa Arab yang terdapat di dalamnya ayat-ayat suci al-Quran - tidak berubah sepanjang lebih 1,400 tahun!

Semasa Islam berkembang, bukan saja persuratan Arab meluas, bahkan lebih utama ialah bidang keilmuan yang menjadi rencam atau beraneka. Keagungan tamadun Islam dikenang hingga kini kerana khazanah ilmunya yang disumbangkan kepada kemanusiaan. Ia berlaku sepanjang 700 tahun (630 masehi sehingga 1350) - antara detik paling lama dalam sejarah dunia.

Menurut Dr Fazlur Rahman, yang menyunting Ensiklopedia Sirah, bahawa jalan paling nyata bagi umat Islam hendak memperkasakan diri ialah menerusi pendidikan atau peningkatan ilmu. Seruannya digemakan juga oleh Dr Tariq Ramadan yang menggesa umat Islam di Eropah agar membuktikan diri mereka sebagai kaum berilmu iaitu aset berguna kepada masyarakat majoriti bukan Islam (lihat *To Be A European Muslim*). Dengan ilmu, hujah seorang pendakwah terkemuka, Fathi Yakan, barulah Muslim dapat berdakwah atau berdialog dengan bukan Islam. Hal ini terpapar dalam maksud firman-Nya:

*"Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pengajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalanNya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat pertunjuk."*<sup>9</sup>

Ayat di atas ini menyeru kita kepada kebijaksanaan dan kebaikan hati, dan menggunakan alasan sahaja untuk perbincangan agama bersama pengikut-pengikut daripada agama lain. Ini amatlah bersesuaian dengan maksud firman-Nya:

*"Tidak ada paksaan dalam (memasuki) agama (Islam)...."*<sup>10</sup>

[Para ahli fikah sebulat suara merumuskan bahawa memaksa seseiapa untuk menganuti agama Islam adalah batal dan tidak sah. Percubaan untuk memaksa seseorang untuk menerima kepercayaan Islam adalah suatu dosa yang besar.]<sup>11</sup>

Harus ditekankan bahawa tiada seorang Muslim pun yang akan dipersalah atau pun berdosa kerana tidak menyertai *jihad* yang tidak jelas dan

---

<sup>9</sup> Surah An Nahl:125

<sup>10</sup> Surah Al Baqarah:256

<sup>11</sup> Petikan dari tulisan Mahfuh Halimi "JI's Jihad Ideology, Bai'ah & Ummah

tidak wajar sandarannya. Sehubungan ini, Rasulullah saw mengingatkan bahawa:

*Jihad yang paling utama ialah berkata benar (adil) di hadapan pemerintah yang zalim.*

## [TAHAP JIHAD

Imam Ibn Qayyim menyatakan di dalam bukunya, *Zad Al-Ma'ad*, terdapat 13 jurus *jihad* yang dapat dikumpulkan dalam empat tahap:

- ***Jihadun Nafs***

Tahap ini menuntut seorang Muslim mendidik dirinya demi mendisiplinkan dirinya dan menangani keperluan masyarakat. *Jihadun Nafs* ini terbahagi kepada empat jurus atau langkah:

1. Mempelajari Islam dan segala ilmu yang berkaitan dengannya.
2. Setelah dipelajari dengan yakin, maka ilmu itu hendaklah diamalkan.
3. Setelah diamalkan maka hendaklah disebarluaskan ke tengah masyarakat.
4. Hendaklah sabar di dalam menerima kesusahan dan kepayahan berdakwah dan terus menjalankan tugas dengan ikhlas semata-mata kerana Allah.

- ***Jihadus Syaitan***

Ia terbahagi kepada 2 bahagian:-

1. Melawan, menentang dan menghapuskan keraguan dan was-was yang berkaitan dengan keimanan.
2. Melawan kemahuan dan keinginan nafsu daripada melakukan maksiat dan mungkar serta mengelakkan diri daripada terlibat dengan perkara yang tidak mendatangkan faedah seperti mengumpat, mengkeji dan sebagainya.

- ***Jihadul Ashabuz Zulm***

*Jihad* menentang orang-orang yang zalim. Ia terbahagi kepada tiga jurus:

1. Jikalau kita mempunyai kuasa, maka ubahlah mereka dengan kekuatan dan undang-undang serta kasih sayang.
2. Jika kekuasaan tidak ada ditangan, maka hendaklah memperkatakan kebenaran itu dengan lisan.
3. Jika tidak mampu maka bencilah kemungkaran itu dengan hati.

- ***Jihadul Kuffar***

Berjuang melawan mereka yang menolak atau menyekutukan Tuhan lagi memusuhi umat Islam. Ia dilakukan dengan empat jurus iaitu:

1. hati (jiwa) -- membentengi iman daripada godaan pesona diayah orang kafir;
2. lidah (berbahas dan berdialog untuk menolak tuduhan);
3. harta atau gerakan ekonomi demi memastikan umat Islam tidak miskin dan mudah terpujuk oleh umpan harta kaum kafir .
4. ilmu iaitu membuktikan kehebatan pengetahuan dan teknologi umat Islam.

Ibn Qayyim mengingatkan bahawa apa yang ditimpakan oleh orang kafir yang memusuhi umat Islam hendaklah dengan balasan setimpal - tindakan ekonomi dengan ekonomi, pendidikan dengan pendidikan, siasah dengan siasah dan kekuatan dengan kekuatan.

Bagi para munafik pula, Ibn Qayyim menyarankan agar mereka ditundukkan dengan kelebihan ilmu dan akhlak tinggi umat Islam yang bijak membahas dan menegakkan syiar Allah swt.

Selanjutnya Ibnu Qayyim mengatakan:

*"Jika manusia telah menyempurnakan keempat martabat ini, maka jadilah ia termasuk ke dalam golongan Rabbaniyyin, kerana sesungguhnya Ulama Salaf sepakat bahwa orang alim tidak berhak digelar Rabbani sehingga ia mengetahui Al-Haq, mengamalkannya dan mengajarkannya. Oleh kerana itu, barangsiapa yang telah mengetahui, mengamalkan dan mengajarkan Al-Haq, maka ia dipanggil sebagai manusia yang agung dalam kerajaan langit."]*<sup>12</sup>

Demikian konsep *jihad* menyeluruh dan amat rasional menurut pandangan Islam dan dipersetujui oleh kebanyakan ulama.

---

<sup>12</sup> Petikan dari ‘Ensiklopedia Hukum Islam, Jilid 4 – Perang’. Dahlan, Abdul Azis

Selanjutnya, Mufti Syeikh Muhammad Al-Hanuti, Anggota Majlis Fiqh Amerika Utara menjelaskan tentang tingkatan-tingkatan jihad melalui fatwanya yang berbunyi:

*Jihad di dalam Al-Quran bermaksud melambangkan perjuangan dan usaha gigih. Perkataan asalnya dalam bahasa Arab ialah *Jahd*, yang bermakna meluahkan tenaga untuk sesuatu sebab. Ia merangkumi empat bahagian dari segi Islam:*

1. Berdakwah kepada manusia tentang ajaran Islam: Setiap rancangan untuk membuat Da'wah adalah Jihad. Firman Allah swt:

*Wahai Nabi, berjihadlah menentang orang-orang kafir dan orang-orang munafik, dan bertindak keras terhadap mereka dan (sebenarnya) tempat mereka ialah Neraka Jahannam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali.<sup>13</sup>*

Ayat ini tidaklah ditujukan kepada orang-orang munafik yang mempunyai maksud peperangan, tetapi sebagai Da'wah, kerana orang munafik itu masih Muslim dan seorang Muslim tidak boleh berperang sesama muslim.

2. Mendisiplinkan rohani seseorang: Setiap usaha kerja disiplin untuk memperbaiki iman dan tingkah laku seseorang itu adalah Jihad. Menahan daripada buat kesalahan adalah Jihad.
3. Membelanjakan wang kerana Islam: Jihad dengan wang telah disebut dalam banyak surah di dalam Al-Quran. Kadang kala ia didahulukan sebelum Jihad Nafs. Jihad sebegini adalah strategi persiapan seseorang itu untuk berjihad kerana Islam.
4. Pertempuran bersama musuh: Al-Quran menggunakan istilah yang berlainan untuk pertempuran. Dalam bahasa Arab, ia adalah Qital. Jadi Qital di dalam Al-Qur'an ialah tingkatan keempat bagi Jihad.

Konsep Jihad ini berlandaskan tulisan Ibn Qyyim Al-Jawziyyah, bertajuk "Bekalan untuk Hari Akhirat"<sup>14</sup>

---

<sup>13</sup> Surah At-Taubah:73

<sup>14</sup> Terjemahan petikan Fatwa 'Tingkatan Jihad' dari Fatwa Bank. <http://www.islam-online.net/fatwa>

## MASYARAKAT MAJMUK DAN TOLERANSI

Hari ini umat Islam terdapat di serata pelosok dunia. Mereka hidup di negara yang pemerintahnya bukan Islam seperti minoriti Muslim yang seramai enam juta orang di benua Amerika Utara atau 30 juta Muslim di Eropah Barat.

Islam menyaksikan pertambahan ummah di negara-negara tadi kerana adanya kebebasan beragama dan keadilan. Oleh itu, generasi muda Islam yang lahir di negara-negara majoriti bukan Islam tadi perlu menampilkkan jati diri mereka dengan watan mereka.

Al-Quran memang mengiktiraf bahawa kerencaman atau keragaman kehidupan yang dikenali sebagai plularisme atau kemajmukan (berbilang kaum dan agama) merupakan sunatullah atau kehendak Allah swt:

*"Dan Kami telah turunkan kepadamu Al-Quran dengan membawa kebenaran, membenarkaan apa yang sebelumnya, iaitu kitab-kitab (yang diturunkan sebelumnya) dan batu ujian terhadap kitab-kitab yang lain itu; maka putuskanlah perkara mereka menurut apa yang Allah turunkan dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu mereka dengan meninggalkan kebenaran yang telah datang kepadamu. Untuk tiap-tiap umat di antara kamu, Kami berikan aturan dan jalan yang terang. Sekiranya Allah menghendaki, nescaya kamu dijadikan-Nya satu umat (saja), tetapi Allah handak menguji kamu terhadap pemberian-Nya kepada kamu, maka berlomba-lombalah berbuat kebajikan. Hanya kepada Allahlah kembali kamu semuanya, lalu*

*diberitahukanNya kepadamu apa yang telah kamu perselisihkan itu.”<sup>15</sup>*

Ayat tadi menunjukkan Allah swt mahukan manusia dapat hidup harmoni meskipun menyedari perbezaan agama di kalangan mereka. Proses ini akan terus berlaku dengan pesat, hujah Dr Tariq Ramadan.

Apa yang disebut sebagai globalisasi atau pensejagatan telah membolehkan manusia bergerak dan bermastautin di mana saja. Namun manusia perlulah mempunyai akar di negara yang dianggapnya sebagai tanah air. Yang demikian, jati diri umat Islam juga menurut negara tumpah darahnya. Apakah proses mengurangi erti sebenar 'Darul Islam' atau tanah air Muslim?

Di Singapura misalnya, umat Islam juga diberikan hak mengamalkan ajaran agama mereka sebagaimana para pengikut agama yang lain. Keharmonian beragama inilah yang telah menyumbang kepada keamanan dan kententeraman Singapura yang dianggap antara model negara baru yang memasuki Liga Negara Maju dalam tempoh 35 tahun kemerdekaan.

Konsep Darul Islam sering difahami sebagai negara atau rantau diperintah oleh pucuk pimpinan Islam. Namun para ulama kian membahaskan bahawa pucuk pimpinan Islam saja bukanlah jaminan pasti akan adanya keadilan (*qisthi*). Sejarah bangun jatuh umat Islam sudah menunjukkan bahawa ada pemimpin yang namanya saja Islam tetapi lebih zalim daripada pemimpin kafir. Imam Hambali berpendapat Darul Islam merujuk keadaan yang sejahtera kerana adanya keadilan untuk hak asasi manusia, termasuk untuk orang Islam. Antara makna 'Islam' ialah bererti kesejahteraan dan keamanan, hujahnya.

[Untuk membolehkan kesejahteraan tercapai oleh umat Islam, perlu ada proses yang mendukungnya. Untuk ini, menurut Al-Quran, umat Islam perlulah mendukung tiga peranan iaitu *al-Muttaqun*, *al-Mukminun* dan *Ulul - Albab*.]<sup>16</sup>

Konsep insan bertakwa atau al-Muttaqun terpapar dalam maksud firmanNya:

---

<sup>15</sup> Surah Al-Maidah:48

<sup>16</sup> Petikan dari tulisan Mahfuh Halimi 'JI's Jihad Ideology, Bai'ah & Ummah'

*"Kitab (Al-Quran) ini tidak ada keraguan padanya; petunjuk bagi mereka yang bertakwa (al-Muttaqun). Yaitu mereka yang beriman kepada yang ghaib, yang mendirikan solat dan menafkahkan sebahagian rezeki yang Kami anugerahkan kepada mereka, dan mereka yang beriman kepada Kitab (Al-Quran) yang telah diturunkan kepadamu dan Kitab-kitab yang telah diturunkan sebelummu, serta merka yakin akan adanya (kehidupan) akhirat. Mereka itulah yang tetap mendapat petunjuk dari Tuhan mereka, dan merekalah orang-orang yang beruntung".<sup>17</sup>*

Konsep manusia beriman (mukminin) pula tercermin dalam maksud firman-Nya:

*"Hanyasanya orang-orang yang beriman itu adalah mereka yang apabila disebut nama Allah, gementarlah hati mereka dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, bertambahlah iman mereka (kerananya) dan kepada Tuhan merekalah mereka bertawakkal, iaitu orang-orang yang mendirikan shalat dan yang menafkahkan sebagian dari rezeki yang Kami berikan kepada mereka. Itulah orang-orang yang beriman dengan sebenar-*

---

<sup>17</sup> Surah Al-Baqarah: 2-5

*benarnya. Mereka akan memperoleh beberapa darjah ketinggian di sisi Tuhananya dan ampunan serta rezeki nikmat yang mulia.*<sup>18</sup>

Manakala konsep manusia pintar, terpelajar atau cendikiawan (Ulul-Albab) terpapar dalam Al-Quran seperti berikut:

*"iaitu orang-orang yang memenuhi janji Allah dan tidak merosak perjanjian, dan orang-orang yang menghubungkan apa-apa yang Allah perintahkan supaya dihubungkan, dan mereka takut kepada Tuhananya dan takut kepada hisab yang buruk. Dan orang-orang yang sabar kerana mencari keredhaan Tuhananya, mendirikan shalat, dan menafkahkan sebahagian rezeki yang Kami berikan kepada mereka, secara sembunyi atau terang-terangan serta menolak kejahatan dengan kebaikan; orang-orang itulah yang mendapat tempat kesudahan (yang baik).*<sup>19</sup>

[Tegasnya, untuk umat Islam dapat hidup tenang dan aman di mana jua, selagi ada di kalangan mereka, golongan yang *al-Mutaqqun, al- Mukminun* dan *Ulul al-Albab*. Golongan ini juga berjuang hebat untuk menambahkan takwa (khusus di kalangan pemimpin dan ulama), iman (bagi golongan biasa) dan kepintaran tinggi (sarjana atau cendikiawan).]<sup>20</sup>

Sekalipun jika negara tadi mempunyai rakyat yang majoritinya umat Islam, tetapi sedikit saja golongan yang bertakwa, beriman dan bijak pandai, maka keadaan masyarakatnya pasti goyah. Laporan Bangsa-Bangsa Bersatu

---

<sup>18</sup> Surah Al-Anfal:2-4

<sup>19</sup> Surah Ar-Ra'ad:20-22

<sup>20</sup> Petikan dari tulisan Mahfuh Halimi 'JI's Jihad Ideology, Bai'ah & Ummah'

dan Muktamar Islam menunjukkan belum ada satu pun negara majoriti Islam berada di taraf Liga Negara Maju. Hal ini terjadi bukan kerana negara majoriti Muslim itu kekurangan hasil mahsul seperti minyak. Sebaliknya negara-negara tadi miskin dengan para pemimpin atau pentadbir yang cekap lagi pintar serta jujur dan amanah. Ciri-ciri cekap, pintar, jujur, amanah merupakan antara sifat-sifat yang mesti ada pada diri orang yang bertakwa, beriman dan *ulul albab*.

Selagi sesebuah masyarakat Islam tidak mempunyai ketiga-tiga golongan ini, ia pasti akan menghadapi kesukaran hidup. Ini kerana mereka tiada pedoman atau haluan tertentu sehingga identiti Islam mereka senantiasa lemah atau mudah terhakis.